

马来语阅读教程

(第二册)

谈笑编

中国人民解放军外国语学院第五系

2000年12月18日

pelajaran 1:

Istimewakah hak Melayu?

Oleh: NOOR AZAM SHAIRI (WARTAWAN UTUSAN)

Siapa sangka satu majlis perbincangan tentang hak orang Melayu yang tentunya sarat dengan pelbagai persoalan sensitif apatah lagi turut dihadiri oleh orang bukan Melayu berlangsung dalam suasana yang cukup harmoni?

Tetapi itulah suasana yang dapat dirasai dalam Wacana Pemikir bertajuk Apa Istimewanya Hak Istimewa Orang Melayu? yang diadakan di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) pagi Jumaat lalu. Wacana itu anjuran Kumpulan Utusan dengan kerjasama Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA), UKM.Para peserta yang memenuhi dua pertiga Dewan Kuliah 3B-301, Fakulti Sains Kemasyarakatan dan Kemanusiaan, tempat berlangsungnya majlis wacana itu, barang kali mengambil berat pesanan Datuk Syed Hamid Albar dalam ucaptamanya sebelum wacana bermula. Atau barang kali mereka sendiri sedar bahawa perhimpunan itu adalah satu majlis ilmu yang tidak ada tempat untuk beremosi jauh sekali cerca maki. Dalam ucapannya, Menteri Luar itu meminta agar apa saja perbincangan tentang hak orang Melayu hendaklah dilihat dari sudut sejarah dan tidak berlandaskan kepada emosi yang melulu. Dalam erti kata lain, beliau mahu isu sepenting itu dibincangkan dengan otak dan bukan ikut rasa hati.

"Kita perlu ada kematangan untuk bincangkan isu yang dianggap sensitif ini. Kita perlu lihat bukan lagi dari sudut agama tetapi patriotisme kenegaraan," katanya.

Syed Hamid juga mengingatkan betapa Perlembagaan Persekutuan yang menjadi dokumen undang-undang tertinggi negara itu, tidak hanya memberikan kedudukan istimewa kepada orang Melayu. Sebaliknya, ia juga menjamin hak-hak dan kedudukan orang bukan Melayu dalam bidang ekonomi, pendidikan dan agama, misalnya.

"Perlembagaan perlu dilihat dari sudut yang holistik," kata menteri itu yang juga lulusan undang-undang. Kata Syed Hamid, melalui jaminan yang diberi oleh perlembagaan itu, setiap kaum di negara ini mempunyai tahap keselesaan masing-masing.

Maknanya, sungguhpun ada kedudukan istimewa orang Melayu, orang bukan Melayu tidak disekat daripada membuat kekayaan, melanjutkan pelajaran dan mengamalkan agama mereka. "Hak istimewa orang Melayu tidak pernah menafikan hak-hak kaum lain jauh sekali menindas mereka," katanya.

Bertolak daripada pandangan itu, sesi wacana kemudiannya dipengerusikan oleh Pengarah ATMA, Prof. Dr. Shamsul Amri Baharuddin disertai oleh tiga orang panel. Mereka ialah pemimpin muda MCA yang juga anggota Majlis Perundingan Ekonomi Negara (MAPEN) II, Ir. Wee Ka Siong; Prof. Dr. Razali Agus dari Universiti Malaya dan Setiausaha Politik Syed Hamid, Dr. Ku Abdul Rahman Ku Ismail. Sungguhpun majlis setengah hari itu ada dihadiri oleh orang bukan Melayu, suasannya masih terasa agak 'perkauman' kerana orang Melayu duduk dengan orang Melayu, seperti orang Cina yang duduk dalam kelompok mereka. Dalam sesi wacana selama hampir dua jam kemudiannya, keterasingan itu turut dapat dirasakan dalam corak pemikiran antara orang Melayu dan bukan Melayu menanggapi isu lama itu.

Dr. Razali, seorang ahli akademik tidak banyak memberikan input yang merangsang. Sebaliknya, sekadar mengulang-ulang betapa isu hak istimewa orang Melayu telah banyak kali dibangkitkan dari semasa ke semasa, dan melibatkan hal-hal yang sama.

"Saya lihat ada persamaan trend perbincangan dari dulu sampai sekarang," katanya.

Seorang lagi panel Melayu, Dr. Ku Abdul Rahman menyuarakan pandangannya dari perspektif politik, maklumlah beliau orang politik. "Apa perlu kita bincang lagi? Kita sudah

bincang isu ini lama dulu. Kalau kita setuju untuk duduk bersama kenapa mesti kita bertengkar," katanya, yang juga pemimpin UMNO dari Kedah. Beliau mengingatkan orang bukan Melayu supaya tidak mengungkit tentang hak istimewa itu kerana "kalau tidak orang Melayu akan bertanya tentang kerakyatan mereka".

Seperti yang dinyatakan oleh Dr. Razali, hak istimewa itu adalah sebagai ganti kerakyatan yang diberikan kepada pendatang Cina dan India ketika negara ini merdeka. Nyata isu hak istimewa orang Melayu ini sangat sensitif.

Wee, satu-satunya ahli panel bukan Melayu memulakan pembentangannya dengan mengakui hakikat itu. Tetapi beliau awal-awal lagi sudah berikrar "di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung". Wee yang lahir enam bulan sebelum peristiwa 13 Mei 1969 melihat isu itu dari sudut sejarah. Katanya, sebelum ada Perlembagaan Persekutuan, kedudukan istimewa itu sudah dinyatakan secara tersirat sejak Inggeris campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu. Hal itu berlanjutan sehingga dinyatakan secara jelas pada akhir tahun 1952 tentang hak orang Melayu dalam pengambilan perkhidmatan awam Malaya dan pemberian biasiswa.

Dalam erti kata lain, beliau menyebut bahawa dasar itu telah bermula sejak zaman penjajah setelah mengambil kira ketidakseimbangan dalam bidang ekonomi antara kaum di negara ini. Tetapi katanya, hak-hak yang telah ada sejak sekian lama itu akan tercabar dalam era globalisasi dan ekonomi baru dunia. Dalam era k-ekonomi, katanya, kita bukan saja lagi perlu bersaing antara kaum tetapi harus bersaing dengan dunia luar.

Dalam sesi perbincangan berikutnya, ada lebih kurang sepuluh peserta bangun memberikan pandangan atau bertanyakan soalan, tiga daripadanya orang Cina. Seorang daripadanya yang hanya mahu dikenali sebagai Wong telah memberikan satu pandangan yang cukup menarik untuk

direnung oleh semua orang. Wong berasal dari Kampar dan fasih berbahasa Melayu. Daripada kata-katanya dapat ditebak bahawa dia ini pernah membesar dalam lingkungan masyarakat Islam.

Menurut Wong, Islam yang dikenalinya menekankan tentang kesamaan. "Oleh itu kita kena tengok insan, bukannya kaum. Tuhan juga menjadikan kita berbeza untuk saling kenal-mengenal," katanya.

Tambahnya, apabila sudah saling kenal-mengenal, kalau ada masalah kita saling bantu-membantu. Dalam konteks itu, beliau berpendapat masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dalam bidang ekonomi perlu dilihat sebagai satu masalah nasional dan bukannya masalah kaum.

"Masalah itu sepatutnya menjadi tanggungjawab setiap anak Malaysia," katanya.

Sambil mengingatkan bahawa negara yang dicintainya ini sudah 43 tahun merdeka, Wong berkata, sudah tiba masanya untuk rakyat Malaysia yang berbilang kaum duduk bersama berbincang secara rasional masalah yang dihadapi.

Dua orang Cina lain yang juga bangun bercakap, salah seorang daripadanya mahasiswa, juga menyuarakan pandangan dalam nada yang serupa tentang perlunya isu itu dilihat bukan dari kaca mata perkauman tetapi semangat kenegaraan. Salah seorang daripadanya yang hanya mahu dikenali sebagai "Tan dari Johor Bahru" menceritakan sejarah datuknya yang datang ke negara ini ketika bandar raya yang makmur itu masih lagi hutan tebal. Sambil menyamakan warganegara ini sebagai anggota sebuah keluarga, beliau kemudian meminta para hadirin supaya jangan mempersoalkan hak tetapi melihat bahawa semua orang ada tanggungjawab masing-masing untuk membina negara. Tidak keterlaluan kalau dikatakan bahawa itulah juga pandangan kebanyakan orang bukan Melayu. Mereka melihat hak istimewa itu tidak mampu membawa orang Melayu ke mana-mana dalam

era persaingan baru yang begitu mencabar ini. Mereka juga melihat bahawa masing-masing kaum ada peranannya dalam pembangunan negara.

Sebaliknya apa pula pandangan orang Melayu tentang isu turun-temurun ini? Seorang mahasiswa Melayu jurusan undang-undang bangun merungut tentang nasib kaumnya dan menyatakan prejудis beliau terhadap syarikat bukan Melayu yang sukar menerima mahasiswa Melayu bekerja.

Mujur ada seorang lagi peserta Melayu yang bangun dan mengingatkan mahasiswa itu tentang realiti persaingan hari ini dan merayunya supaya melihat diri sendiri dan tidak hanya menyalahkan orang lain. Ada juga yang melihat isu hak istimewa itu sekadar hanya satu mainan politik. Ada juga yang bertanya, siapa sebenarnya yang mengaut keuntungan segera di sebalik wujudnya hak istimewa itu.

Pendek kata, tidak banyak yang mahu merenung diri sendiri tetapi lebih suka melihat ke luar. Dalam konteks itu, satu kenyataan pendek Wee ketika diminta menggulung wajar kita renung bersama. Beliau meminta orang Melayu terus berusaha memperbaiki diri sendiri.

"Cabaran globalisasi itu besar, kalau dapat keistimewaan tapi tidak dapat bersaing, apa guna?" tanyanya.

Orang Melayu tidak perlu mudah marah hanya kerana kenyataan itu keluar dari mulut seorang Cina. Itulah hakikatnya sejak dulu lagi. Kalau bertanya bukti, ya, lihat saja statistik anak-anak Melayu yang keluar dari universiti setiap tahun.

"Letih saya kalau cari nama Melayu dari atas, senang cari dari bawah," kata Dr. Ku Abdul Rahman, merujuk kepada prestasi kelulusan mahasiswa Melayu. Bohong kalau kita kata anak-anak Melayu yang kebanyakannya 'megah' lulus setakat kelas dua bawah atau kelas tiga itu tidak mendapat keistimewaan ketika melangkah ke universiti. Mereka itu mendapat

keistimewaan dan kerana seronok dalam kepompong istimewa itu langsung terlupa bahawa kertas peperiksaan tidak mengira kaum.

Justeru, ketika kita membincangkan isu sensitif ini dari kaca mata sejarah, janganlah hendaknya sesekali kita lupa melihat kepada realiti semasa. Jangan nanti hendaknya kita sibuk melaung "hak kita, hak kita, hak kita" tetapi orang lain sudah jauh ke depan. Bukankah itu yang berlaku selama ini?

Jadi, berbalik kepada persoalan asal: Apa istimewanya hak istimewa itu?

Dipetik daripada rencana Utusan Malaysia
22, November, 2000

A.kata-kata

- 1, **sarat** 满载, 负重, 过多
- 2, **Wacana Pemikir** 专家讨论会, 研讨会
- 3, **anjuran** 倡议, 提议, 主张
- 4, **tamadun** 文明, 教化, 文化
- 5, **cerca maki** 责骂, 斥责, 责备
- 6, **melulu** 莽撞, 蛮干, 不加思考的
- 7, **holistik** 神圣的
- 8, **menindas** 压迫, 镇压
- 9, **panel** 成员
- 10, **perspektif** (1) 透视 (2) 远景, 前途
- 11, **maklumlah** 已知的, 众所周知的
- 12, **bertengkar** 争吵, 争辩, 争论
- 13, **mengungkit** 重提(旧事), 重翻(旧帐)
- 14, **pembentangan** 陈述, 描述
- 15, **berikrar** 承认, 表白, 立誓
- 16, **di mana bumi dipijak, di sana langit dijunjung** 踏一方土, 顶

一方天

- 17, tersirat 隐藏, 包含
- 18, biasiswa 奖学金, 助学金
- 19, gelobalisasi 全球化
- 20, fasih 纯正, 流利
- 21, ditebak 被猜测, 被推测
- 23, insan 人, 人类, 人间
- 24, rasional 有理性的, 合理的
- 25, hadirin 与会者, 到会者
- 26, prejudis 偏见, 成见
- 27, mujur 幸好
- 28, merayu 呼吁
- 29, menggulung 卷起, 此译总结
- 30, statistik 统计学
- 31, prestasi 威望, 名声, 成就
- 32, kepompong 蛊, 苗
- 33, melanung 呼喊, 呐喊

B.Menjawab pertanyaan:

1,Siapakah yang menganjur mengadakan Wacana Pemikiran bertajuk Apa Istimewanya Hak Istimewa Orang Melayu?

2, Siapakah yang menghadiri wacana itu?

3, Apakah pendapat menteri luar tentang isu "hak istimewa orang Melayu"?

4, Kenapa tajuk ini dianggap sangat sensitif?

5,Kenapa dikatakan bahawa "suasana wacana terasa agak perkauman"?

6,Bolehkah anda menjelaskan asal-usul hak istimewa orang Melayu?

7,Mengapa biasanya kelulusan murid-murid Melayu tidak begitu baik?

**8, Menurut pandangan anda, apakah kesan buruk daripada isu "hak istimewa orang Melayu" bagi masyarakat Malaysia?
Bincangkan.**

C.Menterjemahkan ayat-ayat di bawah ini ke dalam bahasa China.

1,Siapa sangka satu majlis perbincangan tentang hak orang Melayu yang tentunya sarat dengan pelbagai persoalan sensitif apatah lagi turut dihadiri oleh orang bukan Melayu, berlangsung dalam suasana yang cukup harmoni?

2,Dalam erti kata lain, beliau mahu isu sepenting itu dibincangkan dengan otak dan bukan ikut rasa hati.

3,Sungguhpun ada kedudukan istimewa orang Melayu, orang bukan Melayu tidak disekat daripada membuat kekayaan, melanjutkan pelajaran dan mengamalkan agama mereka.

4,Beliau mengingatkan orang bukan Melayu tidak mengungkit tentang hak istimewa itu kerana "kalau tidak orang Melayu akan bertanya tentang kerakyatan mereka".

5,Katanya, sebelum ada Perlembagaan Persekutuan, kedudukan istimewa itu sudah dinyatakan secara tersirat sejak Inggeris campur tangan dalam urusan pentadbiran negeri-negeri Melayu.

6,Hak-hak yang telah ada sejak lama itu akan tercabar dalam era globalisasi dan ekonomi baru dunia.

7,Oleh itu kita kena tengok insan, bukannya kaum.

8,Dalam konteks itu, beliau berpendapat masalah yang dihadapi oleh orang Melayu dalam bidang ekonomi perlu dilihat sebagai

satu masalah nasional dan bukannya masalah kaum.

9,Mereka melihat hak istimewa itu tidak mampu membawa orang Melayu ke mana-mana dalam era persaingan baru yang begitu mencabar ini.

10,Mereka itu mendapat keistimewaan dan kerana seronok dalam kepompong istimewa itu langsung terlupa bahawa kertas peperiksaan tidak mengira kaum.

pelajaran 2

Kemerdekaan dan perhambaan

Oleh: DR. ISMAIL IBRAHIM

EMPAT puluh tiga tahun negara mencapai kemerdekaan tidak semestinya menjamin bahawa rakyat kita keseluruhannya telah merdeka sepenuhnya dari segi pemikiran, hawa nafsu dan gejala-gejala perhambaan lainnya yang melanda umat manusia ini. Serangan yang dibawa oleh ejen-ejen penjajahan bentuk baru melalui teknologi maklumat dan komunikasi serta aliran globalisasi tajaan Barat yang mendominasikan dunia pada hari ini banyak sekali meninggalkan kesan perhambaan di dalam pemikiran dan tindakan rakyat di negara-negara membangun, termasuk rakyat negara kita.

Kemelut perpecahan umat, gejala sosial di dalam masyarakat muda dan tua, kebekuan pemikiran orang-orang yang berilmu dan profesional, sifat fanatik dan melulu, pemujaan individu dan tokoh tertentu tanpa pertimbangan adalah merupakan ciri-ciri perhambaan manusia walaupun pada lahirnya negaranya telah merdeka daripada penjajahan.

Di negara kita sendiri ramai orang yang memuja media asing dengan laporan-laporannya yang penuh dengan agenda penjajahan bentuk baru, iaitu yang ingin memecah-belahkan perpaduan rakyat dan menimbulkan ketegangan di dalam negara semata-mata kerana negara ini ingin menegakkan identiti dan jati dirinya sendiri dan ingin bebas daripada pergantungan melulu kepada kuasa asing.

Tindakan negara merdeka yang ingin melepaskan dirinya daripada penjajahan bentuk baru dan mengisikkan kemerdekaannya sendiri dalam erti kata yang sebenarnya telah menimbulkan kemarahan bekas penjajah Barat. Dengan itu penjajah Barat akan berusaha supaya negara yang merdeka ini menjadi kacau bilau dan sentiasa berada dalam ketegangan di

antara rakyat dengan pemerintah supaya dengan itu dapatlah mereka memuaskan jarum penjajahannya dengan baik.

Pemujaan media Barat inilah yang mendorong para pemujanya berbicara dengan media asing itu, membenarkan dirinya diwawancara dengan segala komen dan kritikan negatif terhadap negara sendiri, sehingga dengan itu akan lahirlah ke mata dunia seolah-olah dialah pejuang demokrasi dan keadilan negara yang ingin melihat perubahan. Orang-orang begini sebenarnya tidak mendapat tempat sepenuhnya di hati rakyat umum dan di dalam negara sendiri.

Generasi baru yang tidak mengalami sendiri perjuangan rakyat dan negara semasa zaman penjajahan untuk memerdekaan negara mungkin tidak dapat menghayati dan merasakan pahit getir kehidupan pada zaman penjajahan.

Pengalaman itu hanya tertera di dalam tulisan di sana sini yang mungkin tidak dapat dibaca dan dimengertikan dengan baik oleh generasi selepas kemerdekaan. Bagaimanapun perjuangan itu telah berlalu dan tanggungjawab mencapai kemerdekaan negara tidaklah tertanggung ke atas bahu mereka lagi.

Namun yang perlu bagi generasi baru ialah mengisikan kemerdekaan negara dengan melengkapkan diri mereka menjadi anak-anak negara merdeka yang sebenarnya.

Kemerdekaan negara tidak memberi sebarang erti sekiranya kita masih belum mempunyai ilmu pengetahuan yang cukup di dalam segala bidang kehidupan kita. Demikian juga keupayaan kita di dalam bidang ilmu pengetahuan dan profesionalisme yang tinggi masih belum bererti sekiranya pemikiran kita masih diselubungi oleh pemikiran penjajah dan nilai hidup mereka yang masih terbelenggu dengan hawa nafsu.

Apa ertinya berilmu pengetahuan yang tinggi kalau kita masih terpengaruh dengan cerita-cerita palsu Internet tentang negara kita dan masyarakat.

Apa ertinya profesional sekiranya kita masih terperangkap dengan taktik luar yang ingin mengharu-birukan masyarakat kita.

Apa ertinya kemerdekaan negara sekiranya kita masih belum merdeka daripada gejala keruntuhan moral dan kehakisan nilai-nilai murni keagamaan dan kerohanian?

Kalau Islam telah berjaya melaksanakan perancangan yang amat rapi untuk menghapuskan perhambaan sesama manusia dalam bentuk kuno sebelum masyarakat Barat bertindak menghapuskannya, maka kenapakah perhambaan bentuk baru ini terlalu banyak menyerang negara-negara Islam sekarang tanpa tentangan, malah banyak sekali negara Islam dan orang-orang Islam yang sanggup menerima perhambaan ini dengan rela hati?

Salah seorang Khalifah Islam memberi amaran dengan kata-kata hikmatnya; Bilakah kamu memperhambakan sesama manusia, sedangkan mereka dilahirkan ibu-ibu mereka dalam keadaan merdeka? Islam daripada awal lagi telah menyempitkan pintu perhambaan dan membuka luas pintu untuk membebaskan manusia daripada perhambaan, sehingga dengan itu manusia menjadi merdeka dan bebas daripada kezaliman dan penindasan, atau penganiayaan terhadap jiwa raga, harta benda dan maruah serta kehormatan mereka.

Agenda inilah yang dilaksanakan oleh Islam dalam memberikan kemerdekaan kepada manusia dan melepaskan diri mereka dari perhambaan. Tetapi setelah perhambaan bentuk kuno itu telah pupus dari muka bumi ini, kenapakah ada manusia yang sanggup diperhambakan dalam bentuk baru sehingga sanggup mengkhianati negara dan tanah air sendiri?

Kenapakah manusia sanggup memperhambakan dirinya kepada hawa nafsu keduniaan dengan menggadaikan agama dan nilai-nilai murni kehidupannya? Apakah kerana soal-soal peribadi dan kelompok tertentu kita sanggup mempertaruhkan

maruah dan kehormatan kita sendiri kepada kuasa lain yang ingin memperhambakan kita?

Semoga negara merdeka yang memasuki ke tahun empat puluhan ini akan mulai menampakkan kemerdekaan sebenar dalam pemikiran sikap, tindakan dan wawasan rakyat kita keseluruhannya. Kalau kita berpegang kepada kata-kata hikmah bahawa hidup itu bermula pada umur empat puluh tahun, malah Nabi Muhammad s.a.w. juga dilantik menjadi Rasul kepada umat manusia ketika berumur empat puluh tahun maka masanya telah tiba untuk melatih negara kita sebagai negara yang matang dan maju kerana negara kita telah merdeka lebih dari empat puluh tahun.

DATUK DR. ISMAIL IBRAHIM, Ketua Pengarah IKIM

Kata-kata:

- 1, **perhamaan** 奴隶状态, 奴隶身份, 奴隶制
- 2, **hawa nafsu** 欲望
- 3, **umat manusia** 人类
- 4, **ejen** 代理, 代表=agen
- 5, **tajaan** 开头, 开端, 起头
- 6, **mendominasikan** 控制, 统治
- 7, **kemelut** 危机, 危局, 紧要关头=genting
- 8, **kebekuan** 凝固, 停滯
- 9, **fanatik** 宗教狂热者, 盲信者
- 10, **pemujaan individu** 个人崇拜
- 11, **tokoh** (1) 形态, 样子, 外表 (2) 人物, 伟人, 名流
- 12, **agenda** 记录簿, 备忘录
- 13, **menegakkan** 树立, 建立, 创立
- 14, **jarum** (1) 针 (2) 诡计, 阴谋, 奸计
- 15, **wawancara** (记者)采访, (对~发表)谈话
- 16, **komen** 评论

- 17, **pahit getir** 苦----艰苦困苦
18, **tertera** (1) 印刷 (2) 被叙述
19, **diselubungi** 被掩盖
20, **taktik** 策略, 战略, 战术
21, **mengharu-birukan** 扰乱, 煽动
22, **keruntuhan moral** 道德沦丧
23, **kehakisan** 侵蚀, 腐蚀, 腐败
24, **kerohanian** 精神, 灵魂
25, **kezaliman** 暴行, 暴虐
26, **penganiayaan** 虐待, 迫害, 折磨
27, **jiwa raga** 身心
28, **mengkhianati** 背叛
29, **menggadaikan** 典当, 以~为抵押, 以~为赌注
30, **mempertaruhkan** 同 29
31, **menampakkan** 显示, 表现出
32, **wawasan** 见解, 概念
33, **Rasul** 真主的使者, 天使

Latihan:

A. berikan sinonimnya:

1. mendominasikan
2. kemelut
3. tokoh
4. menegakkan
5. pahit getir
6. diselubungi
7. taktik
8. mempertaruhkan
9. menampakkan
10. menghapuskan

B. Menjawab soalan-soalan di bawah ini:

1. Sampai tahun 2000 sudah berapa tahun Malaysia mencapai

kemerdekaan?

2. Menurut penulis, "serangan baru penjajahan Barat" melanda Malaysia melalui saluran-saluran apa?
3. "Ciri-ciri perhambaan manusia" mengandungi isi apa?
4. Kenapa penjajah Barat akan berusaha supaya negara seperti Malaysia sentiasa dalam keadaan kacau bilau?
5. Mengapa generasi baru senang dipengaruhi oleh media barat?
6. Betulkah agama Islam berusaha untuk menghapuskan perhambaan sesama manusia? Berikan buktinya.
7. Ketika berapa umurnya Nabi Muhammab dilantik sebagai Rasul Tuhan?